

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : :**

**DARIPADA : DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA [ PARIT  
BUNTAR ]**

**TARIKH : 1 APRIL 2015**

**SOALAN : PR-1331-L67215**

**Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [ Parit Buntar ] minta MENTERI  
SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan apakah dasar  
pembukaan tanah baru perladangan yang membabitkan Hutan Simpan  
Kekal (HSK).**

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Perhutanan Negara (DPN) 1978 (Pindaan 1992) tidak membenarkan pembukaan tanah di dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) untuk tujuan perladangan.

Sekian, terima kasih.

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. TUAN R. SIVARASA**  
**KAWASAN : SUBANG**  
**TARIKH : 1 APRIL 2015, RABU**

**SOALAN:**

**YB. TUAN R. SIVARASA (SUBANG)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada Kerajaan setuju dan akan pastikan jajaran Lebuhraya Damansara Shah Alam (DASH) akan dipinda supaya tidak melalui kawasan perumahan dan komersial yang padat di kawasan Damansara Perdana dan juga Mutiara Damansara.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Projek Lebuhraya Damansara – Shah Alam (DASH) akan melibatkan pembinaan jajaran lebuhraya sepanjang 47 kilometer yang menghubungkan Puncak Perdana, Shah Alam sehingga ke Penchala Link, Damansara. Hampir 80% struktur projek ini akan dibina secara bertingkat ('elevated structure') manakala baki 20% lagi akan dibina secara 'at-grade'.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jajaran lebuhraya DASH telah beberapa kali dipinda dengan mengambil kira pandangan pelbagai pihak termasuk mematuhi peraturan dan garis panduan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan. Di samping itu beberapa siri penerangan mengenai projek ini juga telah dan sedang diadakan dengan persatuan penduduk dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) di mana maklumat-maklumat berkaitan penilaian impak pelaksanaan projek ini telah dikemukakan kepada mereka.

Hampir keseluruhan jajaran lebuhraya DASH ini disokong oleh majoriti pengguna, kecuali terdapat bantahan oleh sebilangan penduduk untuk jajaran DASH di kawasan Damansara Perdana sahaja. Sehubungan itu kementerian akan mengambil kira pandangan semua pihak yang terlibat sebelum menimbang cadangan pemilihan opsi jajaran yang terbaik dari segi teknikal dan impak sosioekonomi di kawasan berkenaan.

Sekian, Terima kasih.